

**Kerajaan Pusat Salur RM1.38 Bilion Kepada Kedah Untuk Laksana Projek
Infrastruktur
Bernama
10 September, 2012**

ALOR SETAR, 10 Sept (Bernama) -- Kerajaan Pusat melalui Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (EPU) menyalurkan RM1.38 bilion dalam bentuk projek infrastruktur kepada Kedah untuk menyemarakkan pelaburan dan aktiviti ekonomi tahun ini.

Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah Datuk Azmi Lateh berkata komitmen kerajaan pusat itu berjaya menarik dana pelaburan swasta tempatan (PFI) bernilai RM1.1 bilion setakat ini.

Beliau berkata jumlah itu tidak termasuk kelulusan permohonan untuk melaksana projek kecil dari semasa ke semasa mencecah hampir RM60 juta.

"Pemantauan yang dibuat mendapati pelaksanaan projek infrastruktur mencapai 97 peratus dan menghidupkan ekonomi rakyat Kedah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-35 Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia cawangan Kedah (PKMM) di sini, pada Isnin.

Ketika berucap sebelum itu, Azmi berkata kemampuan kontraktor menyiapkan projek mengikut jadual memberi kesan terhadap keyakinan pelabur tempatan dan asing untuk melabur di negeri ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693424>